

CNS2214

U GB 15-09 00192 BB313

aab

TUNTUTAN KE ATAS SABAH GANGGU HUBUNGAN DENGAN FILIPINA

Mahathir-Sabah

I

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini adalah sukar bagi Malaysia untuk mewujudkan hubungan sepenuhnya dengan Filipina kerana negara itu masih belum menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

Perdana Menteri berkata, oleh itu, Malaysia tidak akan dapat menandatangani perjanjian kerjasama persahabatan dan kawalan sempadan dengan Filipina.

+Bagi kita, selagi tuntutan itu wujud, adalah sukar bagi kita untuk mengadakan hubungan sepenuhnya. Kita tidak dapat menandatangani (perjanjian itu) selagi ada tuntutan ditujukan kepada kita, + beliau memberitahu pemberita selepas melancarkan perojek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan ibu pejabat Petronas di Jalan Ampang, di sini.

Ketika mengulas kenyataan Menteri Luar Filipina, Roberto R. Romulo bahawa rintangan tunggal bagi negaranya menarik balik tuntutan itu ialah Senat negaranya, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada Filipina untuk membuat keputusan mengenai perkara itu.

+Itu adalah hal ehwal dalam negeri mereka. Kita tidak dapat berbuat apa-apa di sini kerana semuanya terpulang kepada mereka. Sekiranya mereka hendak membatalkan tuntutan itu, prosedurnya terletak pada mereka ... begitu juga persetujuan mengenainya, + katanya. -- Lagi

▼15/09/20-14MST

CNS2220

U GB 15-09 00149 BB314

aab

Mahathir-Sabah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Semalam, Romulo memberitahu Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi bahawa kerajaan Filipina tidak berhasrat untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah dan pentadbiran sekarang akan meneruskan dasar yang sama yang diamalkan oleh pentadbiran lepas.

Ketika ditanya sama ada beliau kecewa Filipina tidak menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah selepas sekian lama, katanya, tidak ada apa yang harus dikecewakan kerana Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa.

Mengenai keputusan pilihan raya Thailand, Dr Mahathir berkata beliau sukacita pemilihan itu berjalan lancar dan berharap ia langkah ke hadapan terbaik untuk negara itu.

+Saya mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan saya berharap ia langkah ke hadapan terbaik untuk Thailand. Kami bersedia bekerjasama dengan mereka, + katanya.

Empat daripada parti anti-tentera semalam mencapai persetujuan awal untuk membentuk sebuah kerajaan campuran berikutan kemenangan mereka pada pilihan raya Ahad lepas. -- Bernama